



# Warga UMP sambut Maulidur Rasul 1435H

Lebih 600 warga Universiti Malaysia Pahang (UMP) berarak sambil mengalunkan selawat memuji kebesaran Rasulullah SAW sempena memperingati Hari Keputeraan Baginda sempena Sambutan Maulidur Rasul peringkat universiti yang berlangsung di UMP Gambang pada 29 Januari yang lalu.

Perarakan diketuai oleh Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim diiringi pengurusan tertinggi diikuti 19 kontingen dari gabungan pelbagai jabatan dan fakulti di UMP. Perarakan sejauh 1.2 kilometer bermula dari Kompleks Sukan UMP menuju ke Masjid UMP.

Antara yang hadir adalah Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Mortaza Mohamed, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin, Pendaftar, Haji Mustafa Ibrahim, Ketua Pustakawan, Haji Ruslan Chee Pee, Bendahari, Zainuddin Othman dan Pengarah Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN), Dr. Mayhuddin Ismail.

Antara jabatan yang turut serta dalam perbarisan ialah kontingen Jabatan Canseleri, Jabatan Pendaftar, Jabatan Bendahari, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA), Perpustakaan dan Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Harta (JPPH).

Dalam ucapannya, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir menyeru agar warga UMP meningkatkan kewajipan masing-masing dengan melaksanakan peranan sebagai seorang muslim yang bertakwa serta menghindari diri daripada amalan yang bercanggah dengan tuntutan agama serta

budaya Islam.

"Contohi ikutan yang terbaik Nabi Muhammad S.A. W dalam mengemukakan jalan penyelesaian kepada pelbagai isu yang dapat ditekuni daripada sunnah dan sirah baginda," katanya.

Malah katanya, anggaplah perkhidmatan kita di universiti ini sebagai amanah dan bukannya beban agar amanah tersebut dapat disempurnakan mengikut keutamaan seterusnya memberi impak positif kepada organisasi.

Sambutan yang bertemakan 'Wasatiyyah Tonggak Kesatuan Ummah' itu dimulakan dengan persembahan qasidah dari kumpulan Ar-Rayyan yang terdiri daripada pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Program yang merupakan acara tahunan UMP itu turut diserikan dengan ceramah maulidur rasul yang disampaikan penceramah terkenal, Dr. Zulkefli Al Bakri yang merupakan ahli Lembaga Pengarah Pustaka Cahaya Kasturi Sdn. Bhd. dan ahli panel kajian akidah dan syariah di JAKIM.

Majlis turut dimeriahkan dengan acara penyampaian hadiah pemenang pertandingan perbarisan dan sepanduk terbaik. Tempat pertama dimenangi oleh kontingen gabungan yang diwakili Jabatan Penyelidikan & Inovasi dan UMP Holding dan tempat kedua milik Pusat Sukan UMP.

Manakala tempat ketiga hingga kelima dimenangi Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSSKP), Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA) dan gabungan Pusat Kesihatan dan Keselamatan.

